

HCTM PPUKM rintis pembedahan tulang orbit

KUALA LUMPUR 22 April - Sekumpulan pakar Jabatan Bedah Mulut dan Maksilofasial dan Jabatan Oftamologi Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (HCTM PPUKM) berjaya merintis dimensi baharu dalam bidang pembedahan tulang orbit di negara ini.

Pakar Jabatan Bedah Mulut dan Maksilofasial HCTM PPUKM, Dr. Mohd. Nazimi Abd. Jabar berkata, kejayaan terbaharu itu menyaksikan pasukan pakar hospital tersebut berjaya melakukan pembedahan

menggunakan 'implant maksilofasial orbit' atau dikenali sebagai 'Polyetheretherketone' (Peek).

Katanya, pembedahan tersebut bertujuan memperbaiki kedudukan bola mata yang terperosok ke dalam soket tulang mata yang patah akibat kemalangan jalan raya serta menangani masalah penglihatan berganda atau 'diplopia'.

"Pembedahan sekunder telah dilakukan pada 23 Jun 2013 memakan masa selama dua jam 30 minit melibatkan tiga pakar Jabatan Bedah Mulut dan Maksilofasial hospital ini.

"Selepas dua tahun pembedahan dan rawatan susulan dijalankan, bola mata kanan pesakit kini berada pada kedudukan yang selaras dengan mata kiri dan hampir 90 peratus kembali kepada keadaan asal tanpa sebarang komplikasi utama," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar kejayaan pakar HCTM PPUKM merintis dimensi baharu pembedahan tulang orbit yang turut dihadiri Ketua Jabatan Bedah Mulut dan Maksilofasial hospital itu, Prof. Madya Dr. Roszalina Ramli, di sini hari ini.